



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK,
SUKU TAHUN KEEMPAT 2025**

Perbelanjaan pelancongan domestik Malaysia meningkat 12.4 peratus pada suku tahun keempat 2025 kepada RM32.6 bilion, menjadikan jumlah keseluruhan tahunan sebanyak RM121.0 bilion

PUTRAJAYA, 17 MAC 2026 – Sektor pelancongan domestik Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhannya pada suku keempat 2025, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh serta aktiviti perjalanan bermusim. Bilangan pelawat domestik mencecah 74.0 juta pelawat, mencatatkan peningkatan 10.8 peratus tahun ke tahun. Dari segi perbandingan suku ke suku, bilangan pelawat domestik meningkat 2.0 peratus berbanding suku tahun ketiga 2025.

Seiring dengan peningkatan aktiviti perjalanan, perbelanjaan pelancongan domestik yang direkodkan berjumlah RM32.6 bilion pada suku tahun tersebut, meningkat 12.4 peratus tahun ke tahun. Dari segi suku ke suku, perbelanjaan ini meningkat 9.1 peratus berbanding suku tahun sebelumnya. Penemuan ini dilaporkan dalam **BULETIN SURVEI DOMESTIK (DTS) MALAYSIA, SUKU KEEMPAT 2025** yang diterbitkan hari ini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, prestasi pelancongan domestik yang lebih kukuh ini didorong oleh peningkatan aktiviti perjalanan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya semasa tempoh cuti sekolah dan musim perayaan pada hujung tahun. Beliau turut menambah bahawa prestasi pada suku tahun ini mencerminkan permintaan domestik yang berterusan, disokong oleh peningkatan perbelanjaan bagi penginapan, perkhidmatan makanan dan minuman, pengangkutan serta aktiviti runcit merentas industri berkaitan pelancongan.

Indikator daripada industri berkaitan pelancongan adalah selari dengan prestasi yang memberangsangkan sektor pelancongan domestik. Ketibaan penumpang domestik di lapangan terbang meningkat sebanyak 17.9 peratus tahun ke tahun, manakala jualan runcit bahan api automotif mencatatkan pertumbuhan 7.1 peratus, mencerminkan tahap mobiliti yang lebih tinggi serta peningkatan perbelanjaan berkaitan perjalanan pada suku keempat 2025.

Subsektor Penginapan turut merekodkan prestasi yang kukuh dengan jumlah hasil meningkat sebanyak 14.7 peratus tahun ke tahun. Kadar penghunian hotel pula

menunjukkan peningkatan merentasi semua kategori, mencerminkan permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan penginapan.

Menilai prestasi tahunan pelancongan domestik, Ketua Perangkawan melaporkan bahawa sektor ini mengekalkan pertumbuhan memberangsangkan pada tahun 2025. Jumlah keseluruhan pelawat domestik mencecah 290.1 juta, meningkat 11.5 peratus berbanding 260.1 juta pelawat pada tahun 2024. Perbelanjaan pelancongan domestik bagi tahun tersebut berjumlah RM121.0 bilion, mencatatkan pertumbuhan kukuh 13.3 peratus tahun ke tahun, sekali gus mencerminkan peningkatan sumbangan sektor ini kepada aktiviti ekonomi domestik.


Secara keseluruhan, sektor pelancongan domestik Malaysia terus berperanan sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi, disokong oleh peningkatan bilangan pelawat, perbelanjaan pelancongan yang lebih tinggi serta prestasi yang berdaya tahan merentas industri berkaitan pelancongan. Pertumbuhan berterusan yang dicatatkan pada tahun 2025 menunjukkan peranan signifikan sektor ini dalam memperkukuhkan permintaan domestik, menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), serta meningkatkan daya tahan ekonomi secara keseluruhan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpulkan data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Bilangan Pelawat Domestik di Malaysia, 2023 - 2025



Carta 2: Perbelanjaan Pelancongan Domestik Malaysia, 2023 - 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
17 MAC 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PERFORMANCE OF DOMESTIC TOURISM,
FOURTH QUARTER 2025**

Domestic tourism expenditure in Malaysia increased by 12.4 per cent in the fourth quarter of 2025 to RM32.6 billion, resulting in a total annual of RM121.0 billion

PUTRAJAYA, 17TH MARCH 2026 – Malaysia's domestic tourism sector sustained its growth momentum in the fourth quarter of 2025, underpinned by resilient domestic demand and seasonal travel activities. The number of domestic visitors reached 74.0 million, representing a 10.8 per cent year-on-year increase. On a quarter-on-quarter basis, the number of domestic visitors rose by 2.0 per cent compared to the third quarter of 2025.

In line with higher travel activity, domestic tourism expenditure amounted to RM32.6 billion during the quarter, an increase of 12.4 per cent year-on-year. On a quarter-on-quarter basis, expenditure rose by 9.1 per cent compared to the previous quarter. The findings are reported in the **BULLETIN OF MALAYSIA'S DOMESTIC TOURISM SURVEY (DTS), FOURTH QUARTER 2025**, published today by the Department of Statistics Malaysia (DOSM).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said that the stronger performance of domestic tourism was driven by increased travel activity among Malaysians, particularly during the school holiday period and the year-end festive season. He added that the quarterly performance reflects sustained domestic demand, supported by higher spending on accommodation, food and beverage services, transportation, and retail activities across tourism-related industries.

Indicators from tourism-related industries were consistent with the stronger performance of domestic tourism. Domestic arrivals in airport rose by 17.9 per cent year-on-year, while retail sales of automotive fuel increased by 7.1 per cent, reflecting higher mobility and travel-related consumption during the fourth quarter of 2025.

The Accommodation subsector also recorded solid performance, with revenue expanding by 14.7 per cent year-on-year. Hotel occupancy rates improved across all categories, signalling stronger demand for accommodation services.

Assessing the annual performance of the domestic tourism, the Chief Statistician reported that the sector maintained encouraging growth in 2025. The total number of domestic visitors reached 290.1 million, representing an 11.5 per cent increase compared with 260.1 million visitors in 2024. Domestic tourism expenditure for the year amounted to RM121.0 billion, recording a robust 13.3 per cent year-on-year growth, highlighting the sector's increasing contribution to domestic economic activity.

Overall, Malaysia's domestic tourism sector continues to function as a key pillar of economic growth, supported by rising visitor numbers, higher tourism expenditure, and resilient performance across tourism-related industries. The sustained growth observed in 2025 underscores the sector's important role in strengthening domestic demand, supporting micro, small and medium-sized enterprises, and enhancing overall economic resilience.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Number of Domestic Visitors in Malaysia, 2023 - 2025





Chart 2: Malaysia's Domestic Tourism Expenditure, 2023 - 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
17 MARCH 2026